

Berjaya hasilkan data bantu anak berkeperluan khas cari sekolah sesuai

► SITI AISYAH NORDIN
naisyah@sph.com.sg

SEBAGAI pelajar bidang Perbankan dan Kewangan di Universiti SIM, Encik Ryzal Kamis langsung tidak terfikir akan 'tersangkut' pada bidang data dan teknologi.

Namun, minat yang tercetus semasa menghadiri bengkel yang menunjukkan kegunaan data itu terus berputik langsung mendorongnya memikirkan cara terbaik data dan teknologi dapat digunakan bagi memberi manfaat kepada orang ramai.

Maka, pelajar tahun akhir SIM itu memutuskan menyertai Cabaran Video Penggambaran Data Nasional anjuran Agensi Teknologi Pemerintah Singapura (GovTech) yang bertujuan mencabar pelajar peringkat tinggi melahirkan cara inovatif data terbuka yang dapat dimanfaatkan.

Projek yang dihasilkan berjaya menarik perhatian pengadil langsung menempatkan beliau sebagai pemenang kedua pertandingan tersebut.

Bagi Encik Ryzal, 24 tahun, beliau ingin menyumbang kepada isu inklusiviti yang begitu dekat di hatinya.

"Saya ingin meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya sikap inklusif dalam masyarakat dan pertandingan ini merupakan wadah yang baik melakukan demikian," katanya.

Menurutnya, semasa mencari idea bagi projek tersebut yang bermula Februari lalu, beliau terdengar pengumuman yang menyatakan bahawa kanak-kanak berkeperluan khas kini turut berada di bawah Akta Pendidikan Wajib (CE) bermula 2019.

"Saya memutuskan meneroka isu tersebut, namun mendapati kurangnya sumber untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas serta ibu bapa mereka mencari sekolah yang memenuhi keperluan mereka."

"Untuk itu, saya merasakan bahawa maklumat serta data yang tersedia boleh digunakan dengan lebih baik untuk membantu mereka," katanya.

Dengan menggunakan data yang terse-



PERJUANG INKLUSIVITI: Projek Encik Ryzal Kamis (*kiri*) yang bertujuan membantu ibu bapa mencarikan sekolah yang memenuhi keperluan anak-anak berkeperluan khas menobatkannya di tempat kedua pertandingan Cabaran Video Penggambaran Data Nasional anjuran Agensi Teknologi Pemerintah Singapura (GovTech). – Foto GOVTECH.

dia, beliau membangunkan prototaip laman yang memudahkan mereka yang ingin mencari sekolah yang memenuhi keperluan kanak-kanak berkeperluan khas.

Lebih istimewa lagi, beliau berjaya menarik perhatian dan undian pengadil dengan projeknya itu walaupun bekerja seorang diri sepanjang tempoh pertandingan tersebut.

Beliau merupakan satu-satunya 'pasukan' yang hanya mempunyai seorang anggota dalam pertandingan tersebut.

"Sebenarnya, ini merupakan salah satu cabaran yang saya hadapi dalam pertandingan ini kerana setiap pasukan dibenarkan dianggotai sehingga empat orang.

"Namun, saya terpaksa bergantung pada diri sendiri dan melakukan semua aspek projek ini sendirian tanpa sebarang bimbingan," katanya.

Namun, menurutnya, cabaran terbesar semasa pertandingan ini merupakan video yang terpaksa dihasilkan untuk dihantar bersama hasil projek tersebut supaya dinilai.

"Saya tidak pernah menggunakan sofwe seperti Adobe AfterEffects, oleh itu saya terpaksa belajar cara menggunakannya dan menghasilkan video dan semuanya dilakukan dalam tempoh empat hari kerana pada waktu itu hampir tamat tempoh pertandingan," katanya sambil tertawa.

Encik Ryzal, yang kini menjalani latihan bekerja sambil belajar sebagai penganalisis data, berkata beliau sedang dalam perbincangan dengan pihak tertentu yang boleh memperbaiki prototaip projeknya itu supaya siap digunakan masyarakat awam.

Seramai 200 pelajar peringkat tinggi daripada universiti, politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) menyertai pertandingan tersebut yang diadakan buat julung-julung kalinya tahun ini.

Sebanyak 82 projek diserahkan untuk penilaian pengadil dan hanya 12 pasukan finalis terpilih.

Pasukan yang mendapat tempat pertama terdiri daripada pelajar Politeknik Nanyang (NYP) yang mengemukakan projek yang berasaskan keperluan tenaga solar.